

## **Imam Bukhari Dan Muslim Sebagai Tauladan Pelajar Hadis Masa kini**

***Imam Bukhari and Muslim as Examples for Hadith Students Nowadays***

Izzati Suhaimi

<sup>1</sup>Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi

Pusat Kajian Al-Quran Dan Al-Sunnah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: <sup>1</sup>izzar@ukm.edu.my

### **ABSTRAK**

*Bilangan pelajar dalam pengajian ilmu hadith semakin bertambah. Perkara utama yang mesti dititikberatkan oleh pelajar ilmu hadith ialah adab dan sikap. Imam Bukhari dan Imam Muslim merupakan antara ulama hadith yang paling terkemuka dalam sejarah Islam. Perwatakan dan kesungguhan Imam Bukhari dan Imam Muslim merupakan tauladan terbaik supaya dapat dicontohi oleh pelajar dalam penghususan bidang hadith lebih-lebih lagi berkenaan adab dan sikap. Kaedah pembelajaran hadith juga semakin jauh dari tradisi para ulama hadith terdahulu lantaran perkembangan kemajuan teknologi yang menjadikan pelajar bidang hadith kini mengambil mudah terhadap pembawaan hadith dengan hanya merujuk kepada pelbagai aplikasi sahaja. Hal ini menyebabkan adab kurang diambil perhatian. Justeru, artikel ini mengenangkan aspek-aspek yang wajar untuk diteladani oleh pelajar hadith zaman sekarang terhadap latar belakang dan pembawaan Imam Bukhari dan Imam Muslim dalam dunia ilmu hadith. Kajian kualitatif ini menggunakan rekabentuk analisis dokumen. Dapat kajian menunjukkan terdapat tujuh perkara yang harus diambil iktibar dan diinsafi oleh pelajar hadith zaman sekarang dalam proses pembelajaran ilmu yang mulia ini seperti ulama yang terdahulu. Dengan itu, pelajar sekarang dapat mengimbangi antara memanfaatkan teknologi masa kini dengan pembawaan ahli hadith dalam Turath Islami.*

**Kata Kunci:** Pengajian ilmu hadith, Pelajar bidang hadih, Tauladan, Imam Bukhari, Imam Muslim

### **ABSTRACT**

*The number of students in the study of hadith is increasing. The main thing that must be emphasized by students of hadith is manners and attitude. Imam Bukhari and Imam Muslim are among the most prominent hadith scholars in the history of Islam. The character and determination of Imam Bukhari and Imam Muslim are the best role models to be emulated by students in the field of hadith specialization, especially regarding manners and attitude. The method of learning hadith is also further away from the tradition of previous hadith scholars due to the development of technological advances that make students in the field of hadith now take it easy on the carrying of hadith by only referring to various applications only. This causes manners to be less taken into attention. Thus, this article highlights the aspects that should be emulated by modern hadith students on the life history and conduct of Imam Bukhari and Imam Muslim in the world of hadith. This qualitative study uses a document analysis design. The study shows that there are seven things that should be learned and realized by modern hadith students in the process of learning this noble knowledge like the previous scholars. With that, students are*

*now able to balance between taking advantage of current technology with the carrying of hadith scholars in the Islamic Turath.*

**Keywords:** Hadith studies, Hadith students, Role Model, Imam Bukhari, Imam Muslim

## 1. Pengenalan

Hadith merupakan sumber ajaran Islam yang kedua setelah kitab al-Quran seperti yang disepakati oleh semua ulama'. Para sahabat semuanya kembali merujuk pada hadith Rasulullah SAW ketika ingin menjelaskan makna ayat al Qur'an. Menurut Imam Ahmad Ibn Hanbal, al-Sunnah adalah merupakan tafsiran, penerangan atau huraian maksud bagi ayat-ayat al-Qur'an (Abu Syahbah, 1991). Dijelaskan dalam sebuah hadith akan kepentingan bagi seseorang itu untuk berpegang pada dua perkara sebagaimana disebut dalam hadith:

رَسُولُ اللَّهِ لَنْ تَضْلُّوا مَا تَمَسَّكُمْ بِهِمَا : كِتَابُ اللَّهِ وَسُنْنَةُ رَسُولِهِ  
أَنَّمَا قَالَ : تَرَكْتُ فِينِكُمْ أَمْرَيْنِ

(HR Malik. Kitab Qadr. Hadith no. 1628)

Maksudnya: Sesungguhnya Rasulullah SAW pernah bersabda: "Aku telah meninggalkan pada kamu sekalian dua perkara yang kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu: Kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya".

Menekuni serta mempelajari Sunnah Nabi SAW sehingga mencapai kefahaman yang sebenar perlu dititikberatkan supaya dapat memahami al-Quran. Segala perkataan, perbuatan dan ikrar Rasulullah SAW adalah diperkirakan sebagai menterjemahkan al-Quran dalam bentuk kehidupan seharian. Lantaran itu, manusia diperintahkan untuk mencontohi perilaku Nabi Muhammad SAW dalam segenap aspek kehidupan. Ini kerana hadith merupakan satu autoriti yang sangat penting dalam pengajian Islam yang wujud serentak dengan perutusan Nabi Muhammad SAW (UIN, T. th).

Generasi salafussoleh amat prihatin dalam menjaga ketulenan hadith Rasulullah SAW. Budaya memastikan ketulenan hadith ini berterusan sehingga ke zaman hadith mula dibukukan. Umat Islam bersepakat bahawa dua rujukan utama dalam hadith bagi mempelajari sejarah Rasulullah saw tentang perbuatan dan percakapannya adalah kitab Sahih Bukhari dan Sahih Muslim. Pada zaman yang serba canggih ini, pelajar bidang hadith terdedah dengan penggunaan teknologi dalam pengajian hadith. Pelbagai aplikasi dan program telah dibangunkan bagi mempermudahkan hadith itu diperolehi.

Interaksi pengambilan hadith semakin lama semakin berubah daripada merujuk kepada ulama kepada merujuk aplikasi dan program yang dibangunkan ini. Hal ini menyebabkan aspek adab dalam seni pengajian ilmu hadith seperti yang ditunjukkan oleh para ulama terdahulu semakin kurang diberi penekanan. Kesannya, pelajar hadith akan mengambil mudah dan tidak mempunyai kesungguhan dalam mendalami hadith kerana semuanya berada di hujung jari. Ada

juga dikalangan mereka yang belajar hadith tanpa berguru. Malah, mereka hanya merujuk kepada aplikasi sahaja, walhal tidak kesemua maklumat tersebut adalah tepat. Dari sudut kefahaman pula, pengajian hadith perlu secara berguru kerana ada hadith tidak boleh ditafsir secara langsung atau mempunyai penjelasan lain, bukan seperti maksud difahami orang awam daripada teks hadis itu (Hasliza 2019).

## 2. Tinjauan Literatur

Makalah ini menyoroti latar belakang pengkajian yang dijalankan terhadap Imam Bukhari dan Imam Muslim, supaya dapat dijadikan pedoman bagi pelajar hadith pada zaman sekarang. Hj Umma Farida (2011) dalam kajiannya berjudul '*al-Kuttub as-Sittah: Karakteristik, Metode, dan Sistematika penulisannya*' telah menjelaskan dengan lebih terperinci tentang latar belakang ulama hadith dan metod penulisan mereka terhadap hadith. Karya ini memudahkan pembaca untuk mendapatkan maklumat keenam-enam tokoh ahli hadith dalam satu buku termasuk Imam Bukhari dan Muslim. Selain itu, terdapat juga kajian yang mengkhususkan kepada Imam Bukhari dan Imam Muslim seperti dalam kajian Marzuki (2006) yang berjudul '*Kritik terhadap kitab Shahih al Bukhari dan Shahih Muslim*'. Setelah menceritakan latar belakang Imam Bukhari dan Muslim beliau menyatakan bahawa saih Bukhari dan Muslim merupakan kitab hadith paling *authentic*, walaupun terdapat kritikan dan penelitian ulang terhadap hadith-hadith yang ada dalam dua kitab tersebut daripada ulama'.

Wan Hasan, Aminuddin dan Ahmad Kilani (2003) dalam karya mereka tentang *Kajian Takhrij Hadith Sahih Berkaitan Dengan Iman Yang Diriwayatkan Oleh Imam Bukhari Dan Muslim* ada menyentuh berkaitan cara penulisan mereka terhadap hadith dan juga riwayat hidup Imam Bukhari dan Muslim. Secara umum, terdapat banyak penulisan berkenaan kedua-dua imam ini dalam pengembalaan mereka menekuni hadith Nabi SAW. Setiap karya tentang Imam Bukhari dan Muslim akan mengandungi riwayat hidup mereka, guru-guru, penelitian mereka terhadap hadith dan kitab-kitab mereka. Begitu juga dengan karya ini, sama dengan karya yang lain.

Rentetan daripada sorotan kajian sedia ada, makalah ini memfokuskan kepada pembelajaran Imam Bukhari dan Imam Muslim terhadap hadith supaya pelajar hadith dapat mengaplikasikan sebagai rutin harian serta mengikuti metode pengkajian hadith dengan rapi dan tersusun. Ini adalah sebagai respon daripada penggunaan teknologi dalam pengajian hadith masa kini. Ini supaya pelajar hadith dapat mengambil pedoman berdasarkan Imam Bukhari dan Imam Muslim supaya tidak berlaku lagi isu pelajar hadith hanya bergantung pada teknologi dan belajar hadith tanpa bimbingan guru.

## 3. Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan reka bentuk kajian kepustakaan. Bahan-bahan yang berkaitan dengan Imam Bukhari dan Imam Muslim diperolehi secara dalam talian memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan yang masih berlangsung yang tidak mengizinkan untuk ke perpustakaan. Oleh itu pengkaji memanfaatkan kemudahan terkini iaitu mendapatkan

bahan yang diperlukan melalui perpustakaan atas talian. Hal ini memudahkan pengkaji dalam mendapatkan artikel-artikel dan membantu pengkaji mendapatkan bahan yang lebih banyak. Pengkaji mengaplikasi metode dokumentasi dengan mengumpul bahan seperti jurnal, artikel, buku dan risalah. Seterusnya, hasil dapatan data, dianalisis dan diteliti dengan menggunakan metode deduktif supaya menghasilkan suatu pedoman kepada pelajar hadith dalam mendepani pengajian hadith pada era sekarang.

## **4. Dapatan dan Perbincagan**

### **4.1 Latar belakang**

#### *4.1.1 Imam Bukhari*

Imam Bukhari merupakan ulama yang professional dalam bidang hadith. Kitab Sahih Bukhari yang ditulis olehnya menjadi rujukan hampir semua ulama di dunia. Nama sebenarnya adalah Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mugirah bin Bardizbah al-Bukhari (Anon, 2009). Ketika berusia 10 tahun, perasaan minat terhadap ilmu hadith sudah timbul dalam diri beliau, malah beliau telahpun menghafal hadith-hadith Nabi SAW dengan jumlah yang agak banyak.

Pada peringkat awal, hafalan hadith sahaja tidak memberikan kepuasan kepada beliau, oleh itu beliau mengambil keputusan untuk mempelajari ilmu hadith lebih mendalam dengan mengetahui riwayat hidup periwayat-periwayat yang memainkan peranan dalam meriwayatkan hadith-hadith Rasulullah saw serta tarikh lahir mereka, tempat lahir dan sebagainya (Mohd Shukri, 2009) Dengan itu, bermulalah pengembaraan beliau dalam menuntut ilmu hadith. Beliau mengunjungi ke kota suci Makkah dan Madinah untuk mengikuti kuliah hadith Rasulullah SAW bersama guru-guru besar ahli hadith. (Rusman H Siregar, 2020).

Selain daripada Makkah dan Madinah, beliau juga merantau ke Syam, Mesir dan Jazirah sebanyak 2 kali, Basrah empat kali, Hijaz bermukim selama enam tahun, Baghdad bersama para-para ahli hadith yang lain sebanyak 8 kali, Balagh, Merw, Naisabur, al-Rai, Kufah, Wasit, Damsyik, Qaisariyah dan Asqaland (Mohd Shukri, 2009). Beliau mengambil masa selama 16 tahun dalam pengambaraan untuk menuntut ilmu hadith dan menyatakan bahawa hadith-hadith yang ditulisnya diterima dari 1080 guru hadith.

Hasil pertemuan dengan guru-guru hadith, beliau memperoleh sebanyak 600 ribu hadith. Diantara 300 ribu hadith tersebut, sudah dihafal olehnya (Anon, 2009). Beliau menghafal sebanyak 100 ribu hadith sahih sanad dan matannya dan 200 ribu hadith yang tidak sahih sanad dan matannya (Marzuki, 2005). Oleh sebab itu, kitab ini memiliki darjat yang tinggi. Imam al-Bukhari sangat teliti dan cermat dalam menentukan kesahihan hadith sehingga dari 600,000 hadith yang beliau dapatkan hanya 4,000 hadith sahaja yang dimasukkan ke dalam kitabnya (Mohd Shukri, 2009). Ini menunjukkan bahawa Imam Bukhari sangat berhati-hati dalam menentukan hadith. Guru-guru hadith yang diriwayatkan dalam kitab Sahihnya sebanyak 289 orang (Marzuki, 2005).

#### *4.1.2 Imam Muslim*

Nama sebenar Imam Muslim ialah Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjjaj bin Muslim bin al-Ward al-Qusyairi al-Naisaburi. Ia dinisbatkan kepada Naisaburi kerana Naisabur Iran merupakan kota tanah airnya. Beliau berasal daripada kabilah Qusyairi bin Ka'ab bin Rabi'ah bin Amir bin Sha'sha'ah yang merupakan suatu keluarga bangsawan besar di Naisaburi yang melahirkan ramai ulama'. Nama gelaran beliau ialah Abu al-Hassan. Beliau dilahirkan di Naisabur pada Rejab tahun 204H/821M. Imam Muslim seorang yang dermawan dan merupakan peniaga yang kaya. Beliau wafat pada 5 Rejab 261H iaitu pada 15 April 875M (Mohd Shukri, 2009).

Sejak kecil lagi, beliau sudah memiliki daya ingatan yang kuat, kecerdasan yang sangat luar biasa dan tekun dalam pelajaran. Pada usia 10 tahun, beliau telah menghafal al Quran dan juga hadith beserta dengan sanadnya. Di peringkat usia yang muda ini, beliau telah merantau ke negara luar untuk mencari hadith. Antaranya negara Khurasan, Ray, Hijaz, Iraq, Syam, Mesir, Bahgdad dan lain-lain (Mohd Shukri, 2009). Setelah beliau terkenal sebagai orang yang pakar dalam ilmu hadith, ramai pelajar daripada pengajian hadith ingin belajar dengannya. Antara muridnya ialah al-Tarmizi (Muhammad bin Isa), Ahmad bin Muslimah, al-Hafiz Soleh bin Muhammad, Ibn Khuzaimah Abu Amr Ahmad bin Nashr Al-Khafaf al-Hafizh, Ibrahim bin Muhammad bin Hamzah dan sebagainya. Beliau mendapat banyak pujian dan pengakuan daripada para ulama hadith dan juga ulama lain sehingga hadith-hadithnya yang dikumpul olehnya telah disepakati sebagai hadith-hadith yang sahih (Abdurrahim,2014)

### **4.2 Pendekatan**

Sememangnya, ahli hadith sangat menitikberatkan tentang didikan dan pembentukan akhlak pelajar hadith. Imam Bukhari dan Imam Muslim mempunyai pendekatan yang tersendiri dalam penelitian mereka terhadap hadith. Berdasarkan kepada perwatakan, pembawaan, perlakuan Imam Bukhari dan Imam Muslim ini, sudah tentu dapat menjadikan tauladan untuk pelajar hadith. Segala adab dalam perwatakan atau pembawaan mesti ditekankan kepada pelajar ketika menuntut ilmu yang mulia ini. Berikut ditampilkan adab dan tatacara berdasarkan kepada tauladan yang dipercontohkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim terhadap hadith yang boleh diaplikasikan kepada masa kini.

#### *4.2.1 Pengembaraan mencari ilmu yang menunjukkan kesungguhan*

Terdapat banyak keistimewaan dan kelebihan dalam pengembaraan untuk mencari ilmu. Menurut Hafiz ibn Salah, “apabila seseorang itu telah tamat mendengar hadis bersanad tinggi dan mempelajari ilmu-ilmu penting di negaranya, maka pergilah merantau ke tempat lain”. Merujuk kepada kenyataan ini, dapat dilihat bahawa ia menggunakan kata suruhan supaya pergi merantau untuk menambahkan ilmu hadith kerana para ulama’ mengetahui akan kepentingannya dan memiliki kesan yang banyak seperti membentuk kepribadian, mendidik diri untuk berdikari, membina kematangan ilmu, membuka minda dan saling bertukar pandangan mengenai ilmu dalam kalangan ahlinya. Oleh itu para ulama’ sangat mengalakkan untuk keluar mencari hadith (Abdul Majid, 2014).

Sebagai analoginya, kehidupan Imam Bukhari yang berusia 16 tahun sudah bermula mengembara Makkah dan Madinah, beliau juga merantau ke Syam, Mesir dan Jazirah sebanyak 2 kali, Basrah empat kali, Hijaz bermukim selama enam tahun, Baghdad bersama para-para ahli hadith yang lain sebanyak 8 kali iaitu di Balagh, Merw, Naisabur, al-Rai, Kufah, Wasit, Damsyik, Qaisariyah dan Asqaland demi mendalami ilmu hadith tentang riwayat hidup periwayat-periwayat yang memainkan peranan dalam meriwayatkan hadith-hadith Rasulullah saw serta tarikh lahir mereka, tempat lahir dan sebagainya (Mohd Shukri, 2009).

Beliau memang dikenali sebagai pemburu sebuah hadith. Jika mendengar sebuah hadith, maka beliau ingin mendapat keterangan tentang hadith itu secara lengkap dan mengejarnya untuk ilmu dan kebenaran. Beliau harus bertemu sendiri dengan orang yang meriwayatkan hadis tersebut (Anon, 2020). Perjalanan yang panjang akhirnya membuat Imam Bukhari memperoleh sebanyak 600 ribu hadith. Diantara 300 ribu hadith tersebut, sudah dihafal olehnya (Anon, 2009). Beliau menghafal sebanyak 100 ribu hadith sahih sanad dan matannya dan 200 ribu hadith yang tidak sahih sanad dan matannya (Marzuki, 2005).

Apabila mendengar kisah pengembalaan mereka yang banyak itu, ia pasti dapat menimbulkan perasaan kagum kerana semangat beliau yang begitu tinggi sehingga sanggup mengharungi perjalanan yang begitu jauh sehinggakan berpuluhan-puluhan tahun dan kilometer dengan berjalan kaki demi mendengar daripada orang yang meriwayatkan hadis tersebut dan untuk meriwayatkan hadith (Abdul Majid, 2014). Beliau telah menempuh segala onak dan duri yang tidak dapat dibayangkan untuk menghasilkan penghimpunan hadith-hadith yang sahih yang demi mencapai hasrat gurunya. Maka hasrat itu memberi kesan di dalam hatinya (Mushfique, 2016). Dengan perjuangan dan kesungguhan beliau yang luar biasa itu, ia memberikan kemudahan kepada masyarakat Islam hari ini dalam pencarian hadith sahih.

#### 4.2.2 *Khusyuk dalam Solat*

Suatu peristiwa, yang berlaku pada Imam Bukhari di saat beliau sedang menuaikan solat Zuhur bersama para sahabatnya. Sesudah itu, beliau melanjutkan solat sunat selepas Zuhur. Setelah selesai solat, beliau meminta sahabatnya untuk memeriksa jubahnya sambil mengangkat hujung jubahnya kerana terasa sakit (Anon, 2021). Kemudian beliau bertanya kepada sahabatnya, "Apakah kamu melihat sesuatu di sebalik jubah?" Setelah itu sahabatnya memerhatikan badannya dan dapati bahawa terdapat seekor lebah dan di kulit Imam Bukhari terdapat bekas sengatan lebah sebanyak 16 atau 17 bekas. Kemudian seorang daripada sahabatnya pun bertanya kepada beliau "kenapa engkau tidak membatakan solat sejak awal disengat?". Beliau menjawab "aku sedang membaca satu surah dan aku menginginkan untuk menyempurnakannya!" (Anon, 2017).

Betapa khusyuknya Imam Bukhari dalam solat walaupun disengat oleh lebah demi menjaga kesempurnaan solat. Khusyuk ini berkaitan dengan hati yang sentiasa takutkan Allah SWT. Ia juga keazaman untuk meninggalkan segala dosa dan maksiat. Amalan ini perlu ada dalam diri sebagai pelajar hadith untuk menanamkan sifat syukur kepada Allah SWT sama ada ketika berada dalam khalayak ramai atau berseorangan (Ruqaia, 2013). Sabda Rasulullah SAW:

“Sesungguhnya dalam jasad setiap insan, ada segumpal darah yang jika ia baik, maka baiklah seluruh jasad, dan jika ia buruk, maka buruklah seluruh jasad, sesungguhnya ia adalah hati” (Muttafaqun ‘alaih).

#### 4.2.3 *Kesungguhan mengingati hadith*

Menurut Muhammad ibn Yusuf al-Bakhuri, “aku pernah bersama dengan Imam Bukhari di rumah beliau pada satu malam. Aku kira beliau bangun sebanyak lapan belas kali dan menyalakan pelita untuk ingatkan sesuatu hadith pada satu malam” (Faiz, 2017). Manakala, dalam kitab *Tahdzib al-Asma wa al-Lughaat*, Muhammad Bin Abi Hatim al Warrak mengatakan “aku pula melihat beliau bangun satu malam sebanyak lima belas atau dua puluh kali. Setiap kali bangun, beliau akan ambil tempat letak air untuk basuh muka agar tidak tidur serta menyalakan pelita untuk menulis faedah-faedah ilmu yang terlintas dalam fikirannya di samping mengulangkaji apa yang beliau catat dan takhrij hadith pastikan betul” (Nevi Tri, 2020).

Abu Hatim pun merasa hairan, kenapa dia tidak ikut dibangunkan setiap kali Imam Bukhari bangun dari tidurnya. Abu Hatim berkata kepada Imam Bukhari, “sebenarnya kamu boleh sahaja kejutkan aku untuk ikut menemankan kamu, tapi kenapa kamu tidak melakukannya?”. Imam Bukhari menjawab, “sesungguhnya kamu masih muda dan aku tidak suka menganggu tidurmu” (Nevi Tri, 2020). Menurut Imam Bukhari, “aku tidak tidur pada waktu malam sehingga aku kira berapa hadith telah aku masukkan ke dalam kitab-kitabku dan aku telah masukkan sebanyak dua ratus ribu hadith yang bersanad,” (Faiz, 2017). Inilah salah satu kisah diantara para ulama’ ahli hadith yang bersungguh-sungguh untuk menuntut ilmu. Berkorban sekutu tenaga beliau untuk mendapatkan ilmu secara maksimum.

Dalam pada itu, perkara ini boleh diaplikasikan kepada pelajar hadith tetapi sebaiknya secara muzakarah iaitu melontarkan persoalan untuk diulangkaji antara dua atau tiga orang pelajar bagi mengelakkan salah tafsir berseorangan (Abdul Majid, 2014). Pelajar hadith mestilah sentiasa bermuzakarah kerana ia memberi kesan yang sangat banyak. Muzakarah dapat meningkatkan kekuatan akal, hafalan, ingatan dan membantu untuk menambah kefahaman apa yang telah dipelajari dan dibaca daripada ilmu hadith. Bahkan ia memantapkan lagi penguasaan ilmu pelajar. Terdapat banyak pandangan oleh salafussoleh terhadap keistimewaan bermuzakarah antaranya;

- 1) Menurut Ali bin Abi Talib, “Saling menziarahi dan bermuzakarah, jangan tinggalkannya kerana kamu akan lupa ilmu begitu sahaja”.
- 2) Menurut Said al-Khudri, “Sampaikan hadith dan bermuzakarahlah kerana hadith itu memperingati antara satu sama lain”
- 3) Menurut tabiin al-Hafiz al-Faqih Abd al-Rahman bin Abi Laila al-Ansari, “Menghidupkan hadis adalah dengan bermuzakarah mengenainya, oleh itu bermuzakarahlah!”

#### 4.2.4 *Suhbah (mendampingi guru)*

Imam Bukhari belajar hadith dengan sejumlah ulama yang termuka daripada pelbagai daerah yang dapat dipercayai. Beliau mempunyai 1080 orang guru yang mendukungnya dalam

mengumpulkan hadith Nabi Muhammad SAW. Walau jauh mana pun tempat ilmu dan hadith itu berada, beliau tetap mencari hingga bertemu gurunya. Beliau mengatakan: "Aku menulis hadits dari 1080 guru, yang semuanya adalah ahli hadits dan berpendirian bahawa iman itu adalah ucapan dan perbuatan," (Fauzan Khalid et al, 2016). Dalam penulisan bukunya, Imam Bukhari mensyaratkan pada dirinya sendiri bahawa beliau tidak akan memasukkan sanad kecuali dengan rijal atau perawi hadith yang thiqah. Malah, jika beliau tidak pernah bertemu langsung dan tidak mengetahui perihal *jarr wa ta'dil* dari seseorang perawi itu, maka beliau tidak akan memasukkan sanad. Tambahan pula dalam ilmu hadis, proses *talaqi* atau bertemu langsung menjadi syarat utama ketersambungan sanad dalam syarat sahihnya suatu hadith (Miftahuzzakiyah, 2018)

Penuntut hadith perlu berdamping dengan guru bagi mengelakkan salah tafsir. Ini yang berlaku pada masyarakat Islam zaman kini. Jika tidak diteliti, kemungkinan ia akan membawakan hadith lemah atau palsu dalam hal membabitkan hukum. Dalam konteks pengajaran, guru hadith menerima hadith secara berguru dan rantaian ilmu itu mesti bersambung serta tidak boleh terputus (Hasliza, 2019). Dalam menuntut ilmu perlu melalui dan menadah kitab dengan guru, mendampingi para ulama' dan mengambil ilmu secara langsung daripada ahli ilmu bukannya dengan merujuk pada lembaran dan buku semata-mata. Sesiapa yang menuntut ilmu tanpa berguru maka hasil daripada usahanya adalah tanpa ilmu. Ini disebabkan, ilmu merupakan satu produk dan ia memerlukan pembuat (Abdul Majid, 2014). Oleh itu, pengajian hadith perlu secara berguru kerana ada hadith yang tidak boleh difahami secara langsung atau kita faham maksudnya lain, tetapi maksud sebenarnya lain (Hasliza, 2019)

#### 4.2.5 *Tawajjuh*

*Tawajjuh* bermaksud menghadapkan diri kepada Allah SWT. Menurut al-Firbari, murid kepada Imam Bukhari bahawa beliau mendengar Imam Bukhari berkata, "saya susun kitab al-Jami' al-Sahih ini di Masjidil Haram, Mekah dan saya tidak mencantumkan sebuah hadith pun di dalamnya kecuali saya berwudhu' sebelumnya, kemudian solat istikharah dua rakaat memohon pertolongan kepada Allah dan sesudah menyakini kesahihan hadith tersebut, baik dari segi sanad maupun matan" (Miftahuzzakiyah, 2018). Berdasarkan ungkapan tersebut, ia bermaksud bahawa beliau tidak akan menulis hadith di dalam kitabnya kecuali setelah membersihkan diri (mandi atau berwudhu') terlebih dahulu dan solat dua rakaat. Solatnya ini merupakan solat *istikharah* memohon pertolongan kepada Allah SWT agar menerima amalannya ini serta memberkatinya (Anon, 2018). Sesudah itu apabila beliau yakin bahawa sesuatu hadith itu benar-benar sahih barulah dimasukkan ke dalam kitab al-Jami' us-Sahih yang disusun ketika beliau berada di Masjidil Haram.

Imam Muslim meriwayatkan Nabi SAW bersabda berkaitan dengan kelebihan *tawajjuh* dalam solat yang bermaksud, "sesungguhnya seseorang yang berdiri dan solat serta memuja-muji Allah SWT dengan pujian yang selayak bagiNya, serta mengosongkan hatinya bagi Allah SWT kecuali tatkala ia keluar daripada dosa-dosanya seperti anak yang baru dilahirkan" (Wan Mohamad, 2020).

#### 4.2.6 *Adab dan Hormat dengan Guru*

Penghormatan terhadap guru sangat dianjurkan dalam Islam. Perkara ini sudah lama dicontohkan oleh para salafussoleh dengan meletakkan adab-adab untuk menghormati dan memuliakan orang yang mengajar mereka. Malah seorang ulama ahli hadith yang terkenal iaitu Imam Muslim turut menghormati gurunya Imam Bukhari. Ketika bertemu dengan gurunya, beliau lantas mencium dahinya di antara matanya dan berkata, “Izinkan aku mencium kedua kakimu wahai guru bagi segala guru, ketua kepada segala ahli hadith dan yang dapat mengetahui segala kecacatan hadith” (Wan Hasan, Ahmad Kilani, Aminuddin, T.th) Riwayat ini berasal dari Ahmad Ibnu Hamdun Al-Qashar tentang pertanyaan Imam Muslim kepada Imam Al-Bukhari berkenaan hadis *mu'allal*.

Perilaku ini sudah tentu bukan sesuatu perkara yang menyeleweng, hal ini kerana jika dilarang dalam Islam, pastinya Imam Muslim tidak akan melakukannya sebagai ulama' ahli hadith dan Imam Bukhari sudah pasti akan melarang perbuatannya itu. Imam Muslim yang ketika itu sudah sangat terkenal dan beliau masih bersikap rendah diri terhadap guru dan menghormati gurunya. Bukan sahaja mencium tangan malah mencium kaki gurunya. Mereka tidak segan berebut untuk mencium tangan guru. Inilah perilaku yang turun temurun yang diwariskan daripada para ulama'. Perlakuan ini bukan sahaja dilakukan oleh ulama' Nusantara tetapi juga di ulama' Timur Tengah walaupun cara yang berbeza-beza (Hengki Ferdiansyah, 2017). Penghormatan ini boleh dilakukan dengan pelbagai cara antaranya:

- 1) Memberi salam kepada guru
- 2) Membantu bawakan kitab mereka ke dalam kelas
- 3) Mencium tangan mereka
- 4) Mendengar apa yang dikatakan oleh mereka dengan penuh perhatian
- 5) Beradab dalam mengajukan soalan kepada mereka
- 6) Memapah atau membantu mereka ketika berjalan

#### 4.2.7 *Ingatan yang kuat*

Di dunia ini, amat sukar untuk menemui manusia yang dianugerahkan keberkatan dengan daya ingatan yang kuat. Salah seorangnya adalah Imam Bukhari yang dikenali sebagai ahli hadith yang paling kuat ingatannya. Beliau menceritakan tentang rahsia beliau yang memiliki kuat ingatan, beliau berkata, “aku tidak ketahui sesuatu yang lebih bermanfaat untuk kuatkan ingatanku dan hafalanku melainkan keinginan yang kuat terhadapnya atau bersungguh-sungguh dan sering menelaah tulisan”. Tambahan pula, al-Abbas al-Duri mengatakan, “aku tidak pernah melihat orang yang menuntut ilmu hadith sebagus Imam Bukhari kerana beliau tidak meninggalkan yang usul dan yang furu’ (cabang) melainkan semuanya beliau hafal dan catat.” Buktinya beliau berjaya menyiapkan kitab *al-I'tisam* pada satu malam sahaja. Sungguh beliau memiliki ketajaman fikiran dan kesungguhan pada ilmu (Faiz, 2017).

Oleh itu, sudah terang lagi bersuluh bahawa pelajar hadith memang tidak mampu untuk mengikuti jejak langkahnya dari segi penghafalan hadith, namun begitu kita boleh melakukannya dengan cara mengamalkan ilmu yang telah didengar. Hal ini kerana, ia merupakan tuntutan berdasarkan al-Quran, hadith dan athar para ulama' terdahulu yang mengeji orang yang tidak mengamalkan ilmu. Al-Qur'an memberikan perumpamaan bahawa golongan yang tidak mengamalkan ilmu dalam kalangan orang yahudi seperti keldai. Firman Allah dalam surah al

Jumu'ah ayat 5 yang bermaksud, "Perumpamaan orang yang dipertanggungjawabkan untuk mengetahui dan melaksanakan Taurat, kemudian mereka tidak melaksanakannya adalah seperti keldai yang membawa kitab-kitab yang tebal" (Abdul Majid, 2014).

Menurut Imam Abi Ishak Ibrahim al-Khawwas tentang mereka yang banyak menuntut ilmu tetapi kurang beramal, "Orang berilmu itu bukannya mereka yang banyak meriwayatkan hadith tetapi orang berilmu itu ialah orang yang menuruti ilmu dengan melakukan amal, menggunakan dan mencontohi sunnah-sunnah baginda walaupun sedikit ilmunya. Oleh itu, kita sebagai pelajar hadith perlu mengamalkan ilmu yang dipelajari kemudian mengajarkannya kepada orang lain supaya sama-sama mendapat manfaatnya. Pencarian ilmu sahaja tidak memberikan sebarang makna jika ia tidak dilengkapi dengan amalan (Abdul Majid, 2014).

#### **4.3 Perbincangan**

Pada dunia hari ini, pengkaji melihat bilangan pelajar yang mengambil pengajian hadith di seluruh negara semakin bertambah. Namun begitu, ramai di kalangan mereka terdedah dengan pelbagai cara pembawaan hadith yang menggunakan teknologi akibat dari faktor kemajuan kehidupan sekarang ini yang membuatkan adab-adab dalam konteks pengajian ilmu hadith semakin kurang diberi penekanan. Pelajar-pelajar bidang hadith kononnya ingin menjadi pengkhususan bidang hadith tetapi mereka tidak mengambil cakna terhadap cara pembawaan, akhlak dan perwatakan yang dibawa oleh ulama ahli hadith terdahulu. Dalam konteks pengajian hadith sekarang, pelajar berjumpa dengan pensyarah seminggu hanya sekali, selebihnya merujuk dan mengambil hadith daripada internet sahaja.

Sementara itu, jarak untuk bertemu antara pensyarah dengan pelajar sangat dekat tetapi pelajar tidak mengambil manfaat dan tidak mensyukuri nikmat yang ada. Jika dilihat dari sudut zaman Imam Bukhari, sangat berbeza. Beliau bersungguh-sungguh untuk bertemu dan mencari gurunya walau jauh mana pun tempat ilmu dan hadith itu berada. Beliau juga tidak akan memasukkan sanad jika tidak pernah bertemu langsung dan tidak mengetahui perihal *jarr wa ta'dil* dari seorang perawi itu. Sungguh beliau sangat memelihara hadith. Oleh itu, kajian pedoman pelajar hadith berdasarkan Imam Bukhari dan Imam Muslim perlu untuk lebih diperdalamkan bagi menyahut perkembangan semasa demi membimbing dan membantu pelajar agar tidak tersasar adab dalam menuju destinasi ilmu ini.

### **5. Rumusan dan Cadangan**

Kehebatan Imam Bukhari dan Imam Muslim dalam menelaah hadith seharusnya dijadikan panutan dalam kalangan pelajar bidang hadith. Para pelajar bukan sahaja perlu merujuk karya mereka, bahkan juga perlu menjadikan mereka sebagai pedoman dan suri taulidan dalam pembinaan watak seorang ahli hadith. Kajian ini mendapat tauladan yang ditunjukkan oleh para ulama hadith khususnya Imam Bukhari dan Imam Muslim tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Hal ini mencetuskan keadaan yang tidak sepatutnya, apabila terdapat pelajar bidang hadith yang belajar hadith tanpa berguru malah ada di antara mereka yang menelaah beberapa hadith sahaja lantas sudah mengaku dirinya merupakan ahli hadith secara mutlak. Tambahan pula, ada juga yang bersikap sompong sedangkan dirinya itu baharu sahaja memiliki kitab dan

ilmu yang sedikit. Mereka juga tidak menghormati terhadap guru, mencela para perawi dan menghina orang yang menuntut ilmu serta kuat mengkritik tanpa asas keilmuan yang konkret.

Dengan itu, dari sudut pembawaan Imam Bukhari dan Imam Muslim dalam ilmu hadith merupakan bimbingan terbaik untuk dijadikan tauladan kepada pelajar hadith. Berbicara tentang kisah keteladanan Imam Bukhari dan Imam Muslim dalam pengembaraan mereka dalam mencari hadith, penghormatannya terhadap guru, ketekunan beribadah, ketaatan, perlakuan mereka dalam menulis dan memelihara hadith merupakan perbincangan yang tidak asing bahkan sangat dikenali oleh umat Islam. Kisah ini patut direnungkan dan jangan dibiarkan pudar walaupun dunia sekarang dikelilingi dengan teknologi dan kemodenan.

Maka, kajian ini menyentuh beberapa adab dan sikap yang mesti dimiliki oleh pelajar hadith antaranya ialah menghormati guru. Menghormati guru merupakan sikap yang paling penting kerana dari guru itulah pelajar mendapat ilmu yang bermanfaat. Sikap ini sudah lama dilakukan oleh para sahabat dan ulama terdahulu di zamannya. Kita juga perlu mengikuti sikap tersebut agar sentiasa merendahkan diri terhadap tuan guru. Selain itu, sebagai ahli hadith kita mesti sentiasa mengulangkaji hadith yang pernah didengari kerana ia merupakan satu ibadah. Orang yang berilmu serta beramal dengan ilmunya kemudian ia mengajar kepada yang lain akan mendapat kedudukan yang tertinggi di sisi Allah SWT.

## Rujukan

- Anon. (2009). Imam Bukhari: Pemimpin Dalam Ilmu Hadith. *Republika.co*  
[https://www.republika.co.id/berita/42305/Imam\\_Bukhari\\_Pemimpin\\_dalam\\_Ilmu\\_Hadis](https://www.republika.co.id/berita/42305/Imam_Bukhari_Pemimpin_dalam_Ilmu_Hadis)
- Anon. (2020). Imam Bukhari Gigih Mencari Ilmu hingga Jadi Ulama Hadis. *OkeMuslim*  
<https://muslim.okezone.com/read/2020/06/02/330/2223072/imam-bukhari-gigih-mencari-ilmu-hingga-jadi-ulama-hadis?page=2>
- Anon. (2020). Imam Bukhari: Beliau diciptakan untuk Hadis. *Darul Ulum*  
<https://darululum.my/imam-bukhari-beliau-diciptakan-untuk-hadis/>
- Anon. (2017). Kumpulan Kisah Khusyu Ulama dalam Sholat. *Ttp*  
<https://www.abanaonline.com/2017/09/kisah-khusyu-ulama-dalam-sholat.html>
- Anon. (2018). Kitab Sahih al-Bukhari. *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*  
<http://myhadith.islam.gov.my/index.php/bm/rujukan-6/557-sahih-al-bukhari>
- Abdurrahim. (2014). Analisis Biografi Dan Pemikiran Imam Muslim. *Universitas Indonesia. Jurnal*
- Dr. Ruqaia Al-Alawani. (2013). Solat Orang-Orang Yang Khusyu'. *Ttp*

- Dr Marzuki. (2005). Kritik Terhadap Sahih al Bukhari Dan Sahih Muslim. *Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta*
- Fauzan Khalid et al. (2016). Makalah Biografi Imam al Bukhari. *Politeknik Negeri Padang*
- Mohd Shukri. (2009). Imam Bukhari. *Univerisiti Pendidikan Sultan Idris*
- Hengki Ferdiansyah. (2017). Kisah Imam Muslim Cium Kaki Imam Al-Bukhari. *Nuonline*  
<https://islam.nu.or.id/post/read/78959>
- Hasliza Hassan. (2019). Pelajari hadis perlu berguru elak salah tafsir. *Berita Harian*  
<https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/10/617439/pelajari-hadis-perlu-berguru-elak-salah-tafsir>
- Wan Hasan Bin Wang Embong, Aminuddin Bin Ruskam, Ahmad Kilani. (2003). Kajian Takhrij Hadith Sahih Berkaitan Dengan Iman Yang Diriwayatkan Oleh Imam Bukhari Dan Muslim. *Universiti Teknologi Malaysia (UTM)*
- Haji Faiz Hj. Othman. (2017). Imam Al-Bukhari (Bhg. 2). *Ikim*  
<https://ikimfm.my/imam-al-bukhari-bhg-2/>
- Muhammad Mushfique Bin Ahmad Ayoup @ Ayub. (2016). Irsyad al-Hadith Siri Ke-128: Imam al-Bukhari Dan Sahihnya. *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*  
<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadith/1454-irsyad-al-hadith-siri-ke-128-imam-al-bukhari-dan-sahihnya-2>
- Miftahuzzakiyah. (2018). Sejarah Imam al-Bukhari Menulis Kitab Hadis Shahih al-Bukhari. *UIN Syarif Hidayatullah Jakarta*  
<https://islami.co/sejarah-imam-al-bukhari-menulis-kitab-hadis-shahih-al-bukhari>
- Nevi Tri Wahyuni. (2020). Membangun Peradaban dengan Ilmu. *Jawa Barat*  
<https://suaraislam.id/membangun-peradaban-dengan-ilmu/>
- Rusman H Siregar. (2020). Luar Biasa Imam Bukhari punya 1.080 Guru, Semuanya Ahli Hadis. *Kalam*  
<https://kalam.sindonews.com/read/168308/70/luar-biasa-imam-al-bukhari-punya-1080-guru-semuanya-ahli-hadis-1600358986>
- Syed Abdul Majid Ghouri. (2014). Metodologi Terbaik Mempelajari Ilmu Hadis. *Universiti Sains Islam Malaysia*
- Wan Mohamad Farid. (2020). Tawajuh (Tumpuan Hati Kepada Allah SWT). *TvTarekat*  
<https://www.tvtarekat.com/2020/03/tawajuh-tumpuan-hati-kepada-allah-swt.htmlan-hati-k>